

30 SEP 1998

Abu Zahar - Subversif

DAKWAAN TOK MAT TIDAK WAJAR: KATA ABU ZAHAR

MELAKA, 30 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin hari ini menyifatkan sebagai tidak wajar dakwaan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat bahawa ada kalangan pemimpin Umno bahagian menjalankan kegiatan subversif untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

Kenyataan yang dibuat itu tidak sepatutnya dikeluarkan semasa keadaan politik sekarang kerana usaha yang perlu dijalankan sekarang ialah mengemblengkan perpaduan ahli, katanya.

"Itu mungkin pandangan beliau...kenyataan yang dibuat itu mungkin andaian sahaja kerana tidak jelas, kenyataan itu boleh menimbulkan keadaan tidak menentu dan mengelirukan orang ramai," katanya semasa diminta mengulas pendedahan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno itu Isnin lalu.

Abu Zahar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka berharap tidak ada lagi pemimpin Umno terutama di kalangan MT yang berbuat kenyataan yang tidak jelas dan mengelirukan seperti itu.

"Kalau betul, senaraikan nama bahagian (pemimpin) yang kononnya tidak sokong Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Percetakan Surya Sdn Bhd di sini.

Mohamed Rahmat berkata ada pemimpin bahagian dibayar elaun dan peruntukan sehingga RM2 juta bagi menjalankan kegiatan subversif bertujuan menjatuhkan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya mengenai kenyataan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Nasir Manap bahawa ada pemimpin Umno bahagian Kota Melaka terlibat dengan kegiatan itu, Abu Zahar berkata ia satu tuduhan tanpa bukti.

"Saya telah memanggil perjumpaan semua pemimpin lima bahagian Umno Melaka dan semua telah mengambil keputusan menyokong Perdana Menteri tanpa berbelah-bagi," katanya.

Beliau berkata Umno negeri tidak pernah menerima aduan dan laporan bahawa ada pemimpinnya terlibat dengan politik wang atau menyertai ceramah gerakan reformasi anjuran penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kalau ada bukti sesiapa yang menyeleweng atau terlibat dengan gerakan reformasi, sila laporkan supaya boleh diambil tindakan...saya bimbang jika ada orang ambil kesempatan kerana sebelum ini tiada pengaduan".

Nasir yang juga bekas Ketua Umno Bahagian Kota Melaka bersama 20 ketua cawangan di bahagian itu telah mendesak ibu pejabat Umno menyiasat kegiatan beberapa pemimpin bahagian itu kerana terlibat menganjurkan ceramah gerakan reformasi pada 13 Sept lalu.

Beliau juga mendakwa pemimpin bahagian itu merupakan salah satu bahagian yang terlibat dengan kegiatan yang didedah oleh Mohamed.

--BERNAMA

MOZ oba